

04/07/2001

PM mahu ICT dalam semua kegiatan sosioekonomi

PUTRAJAYA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menyerap dalam semua kegiatan sosioekonomi dan merentasi setiap lapisan masyarakat ke arah e-kerajaan, e-pembelajaran dan e-pembuatan.

Perdana Menteri berkata, sebagai negara yang tertumpu pada sektor pembuatan dan pertanian, Malaysia turut mengiktiraf potensi ICT dalam memperkukuhkan lagi ekonominya berasaskan pengeluaran.

Selaras perancangan pembangunan menyeluruh, usaha itu dilengkapi oleh Pelan Induk Perindustrian II dan Pelan Induk Pasaran Modal yang baru.

"Pelan Induk Pasaran Modal ini dirangka supaya potensi komersial negara akan melalui pelaksanaan perdagangan elektronik yang teratur dan berkesan dalam pasaran modal.

"Cabaran sebuah ekonomi berasaskan pengetahuan memerlukan Malaysia bersiap sedia sepenuhnya dalam semua bidang. Malaysia perlu bekerja keras dalam mempersiapkan diri bagi penyertaan yang berkesan dalam ekonomi yang baru ini.

"Penciptaan Koridor Raya Multimedia (MSC) contohnya, menggambarkan iltizam kita yang cukup kukuh untuk melonjak ke era teknologi maklumat (IT)," katanya dalam perutusan pada buku laporan tahunan Industri Kerajaan Bagi Teknologi Malaysia (Might) yang dikeluarkan di sini.

Dr Mahathir berkata, ketika Malaysia terus mendesak supaya diwujudkan satu rangka kerja undang-undang antarabangsa lebih saksama, ia tidak boleh memandang ringan mengenai kepentingan membina kemampuan bagi penerapan teknologi baru dalam bidang perniagaan dan sosial.

Keupayaan teknologi adalah kunci daya tahan ekonomi pada abad ke-21, manakala di luar dewan perundingan, kemajuan dalam bidang sains dan teknologi serta proses komersial dan perdagangan muncul sebagai alat yang cukup berkesan dalam perlumbaan bagi mencapai kepimpinan dalam bidang ekonomi.

Oleh itu, Malaysia harus secara berterusan mengelakkan budaya selesa supaya ia dapat menguasai kemampuan dalam bidang inovasi, sains dan teknologi.

"Hanya dengan penguasaan teknologi barulah Malaysia boleh menegakkan agenda pembangunan yang akan melonjakkan negara mendahului persaingan. Penguasaan teknologi bermakna mempunyai kemampuan yang lebih besar untuk menentukan corak celik teknologi di kalangan rakyat.

"Peningkatan kemampuan teknologi akan menjadikan pengimportan teknologi secara besar-besaran, sesuatu yang sudah berlalu," katanya.

(END)